

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN
[Tanjong Malim]

NO. SOALAN : 65

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menimbang bagi mengadakan satu pusat persinggahan yang baru untuk kaum ibu Orang Asli yang menunggu untuk bersalin di Pekan Slim River kerana pusat persinggahan yang sedia ada sentiasa dilanda banjir dan tidak sesuai untuk digunakan lagi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keperihatinan terhadap kebajikan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) seringkali membangkitkan isu ini di dalam mesyuarat bersama Jabatan Kesihatan Negeri Perak, ini kerana banjir tersebut turut merosakkan kelengkapan dan peralatan yang disediakan oleh JAKOA kepada masyarakat Orang Asli yang menggunakan kemudahan di situ.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tindakan sedang diambil oleh pihak Jabatan Kesihatan untuk membaik-pulih dan membesarkan sistem saliran air sedia ada bagi mengelakkan kejadian banjir tersebut berulang serta merosakkan kemudahan kelengkapan yang telah disediakan.

Berikutan dengan cadangan Yang Berhormat, agar Kerajaan bersedia untuk menimbang bagi mengadakan satu pusat persinggahan yang baru, adalah

dimaklumkan bahawa buat masa ini adalah sukar bagi mendapatkan tapak yang sesuai untuk didirikan pusat persinggahan yang baru tersebut. Namun begitu, pihak Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri untuk menyediakan kemudahan tersebut sekiranya terdapat tapak yang sesuai demi keselesaan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli yang terlibat. Jabatan Kesihatan Negeri Perak sedang berusaha untuk mengenalpasti lokasi yang sesuai.